


SOALAN KBAT MATEMATIK TAHUN 4
(Muaz, Syazwan, Zaheen, Zahirul)

No	Soalan
1.	Terdapat $\frac{8}{10}$ bahagian tembikai di atas meja. Rozi makan $\frac{3}{10}$ daripadanya. Berapa bahagian tembikai yang tinggal?
2.	 Jika sebuah lori mengangkut 150 buah kotak buah limau yang mengandungi 25 biji limau sekotak, berapakah jumlah buah limau yang dibawa oleh semua lori?
3.	Rajah 3 menunjukkan 7 294 biji guli dimasukkan ke dalam 7 buah kotak.  Rajah 3 Berapa biji guli dalam setiap kotak?

4.	Sazali perlu mengikat tali pada 6 buah bungkusan yang sama. Satu bungkusan memerlukan tali berukuran 60.3cm. Berapakah panjang tali dalam cm yang diperlukan untuk mengikat bungkusan itu?
5.	Tania dan 6 orang rakannya ingin membeli sebuah pasu bunga untuk dihadiahkan kepada guru mereka. Harga pasu tersebut ialah RM28.90 . Berapakah harga yang perlu dibayar oleh setiap seorang ?
6.	Encik Ahmad memandu sejauh 95km 550m dari Cheras ke Seremban. Dia kemudiannya meneruskan perjalanannya sejauh 108km 450m dari Seremban ke Yong Peng. Berapakah jumlah jarak, dalam km dan m , yang telah dilalui oleh Encik Ahmad?
7.	Terdapat 60 000 kampak pasir dalam sebuah gudang. Pasir-pasir itu diagihkan sama banyak kepada lima buah kawasan pembinaan. Berapa kampak pasirkah yang diperolehi tiga buah kawasan pembinaan?

8.	Yusri mempunyai RM1 000 . Dia menggunakan 25% daripada wang itu untuk membeli sepasang kasut. Berapa peratus kah baki wangnya?
9.	Terdapat 10 kotak berisi sepasang kasut. 4 kotak daripadanya berisi kasut sukan dan selebihnya berisi kasut kanak-kanak. Nyatakan bilangan kotak yang berisi kasut kanak-kanak dalam perpuluhan .
10.	Maimun mengambil masa 11 jam 24 minit untuk menyiapkan 6 helai baju yang sama. Berapakah masa , dalam jam dan minit , yang digunakan untuk menjahit sehelai baju itu?
11.	Berat sebuah sampan ialah 50kg 200g . Razif dan 3 orang rakannya yang berjisim 180kg menaiki sampan itu. Tiba di perhentian K, Razif yang berjisim 67kg turun daripada sampan itu. Berapakah jisim sampan itu sekarang, dalam kg dan g ?

12.

Humairah membeli 7 botol air mineral. Isi padu **7 botol** air mineral itu ialah **24.5 ℓ**. Jika Humairah memberi **3 botol** air mineral itu kepada Iskandar, berapakah isi padu, dalam **ℓ** dan **mℓ**, air mineral yang diterima oleh Iskandar?

13.

Pelajar	Nasir	Narti	Bakar
Tinggi	1.15 m	150 cm	

Sekiranya jumlah ketinggian ketiga pelajar tersebut ialah 400 cm, berapakah dalam cm, tinggi Bakar?

14.

Shaiful dan 14 orang kawannya mengumpul tin aluminium. Setiap orang mengumpul 536 tin. Hitung jumlah bilangan tin yang dikumpul oleh mereka

15.

Zahidah ada 10 944 klip kertas. Arissa ada 837 klip kertas lebih daripada Zahidah. Berapakah jumlah bilangan klip kertas mereka?

16.

Jadual yang tidak lengkap menunjukkan bilangan murid di dalam tiga buah kelas.

Kelas	Lelaki	Perempuan
Bestari	14	25
Cemerlang		17
Gemilang		22

Kelas Cemerlang mempunyai 4 orang murid lelaki lebih daripada Kelas Gemilang. Jumlah murid di dalam 3 buah kelas itu ialah 116 orang.

Hitungkan bilangan murid di dalam kelas Gemilang